

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING (BINTULU)

TARIKH : 6 OKTOBER 2021 (RABU)

SOALAN

DATO' SERI TIONG KING SING (BINTULU) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

(a) apakah langkah-langkah drastik Kerajaan dalam usaha membendung pandemik COVID-19 yang telah meragut lebih daripada 13,000 nyawa; dan

(b) apakah usaha Kerajaan dalam memulihkan ekonomi negara yang terkesan akibat pandemik COVID-19

JAWAPAN

**YB DATUK DR ABD LATIFF AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(TUGAS TUGAS KHAS)**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kerajaan akan sentiasa berusaha untuk mengimbangi antara keperluan kesihatan awam dan pemulihan semula ekonomi. Oleh itu, antara langkah drastik yang telah diambil adalah dengan mempercepatkan kadar vaksinasi penduduk Malaysia dengan sasaran

SOALAN NO : 19

negara mencapai imuniti kelompok pada penghujung Oktober 2021 dengan sasaran 80% populasi dewasa menerima vaksin lengkap. Malaysia adalah antara negara di dunia yang pantas menggerakkan usaha bagi program vaksinasi dalam menangani penularan COVID-19.

2. Malaysia telah melaksanakan pelbagai agenda bagi menangani penularan pandemik COVID-19, termasuk pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara (PPN) secara berfasa dengan masih melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di beberapa lokaliti.

3. Tidak hanya tertumpu kepada usaha memutuskan rantai penularan, Kerajaan juga akan terus memastikan dalam tempoh PPN itu, rakyat, perniagaan dan ekonomi juga tidak terabai.

4. Kerajaan telah melaksanakan pelbagai pakej rangsangan dan bantuan bernilai RM530 bilion sejak bulan Mac tahun 2020 dan dilengkapi oleh Belanjawan 2021 bernilai RM322.5 bilion. Melalui pakej dan langkah dalam Belanjawan 2021 tersebut, lebih daripada RM300 bilion masih tersedia untuk tahun ini bagi menyokong pemulihan ekonomi sepanjang pelaksanaan pelbagai fasa PPN.

5. Dalam pelan jangka sederhana Kerajaan, pelaksanaan kerangka kerja Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA) dan inisiatif PERKUKUH Pelaburan Rakyat akan dilaksanakan. Selain itu, Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021 – 2025 juga akan menyediakan rangka tindakan untuk memastikan pertumbuhan mampan, keterangkuman sosio-ekonomi dan kelestarian alam sekitar bagi jangka sederhana.

6. Bukan itu sahaja, melalui Kenyataan Pra-Bajet 2022 (2022 *Pre-Budget Statement*) yang diterbitkan pada 31 Ogos 2021, Kerajaan telah menyatakan bahawa Bajet 2022 dirangka dengan matlamat untuk terus melindungi dan memulih kehidupan serta mata pencarian rakyat, membina semula daya tahan ekonomi negara dan memangkin pembaharuan sosioekonomi.

Sekian, terima kasih.